

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN  
**DARIPADA** : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]  
**TARIKH** : 9 APRIL 2014 (RABU)  
**SOALAN** : Ir. Shaharuddin bin Ismail meminta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jenis bantuan sara hidup yang telah dirangka dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat oleh pihak Kementerian bagi membantu golongan pesawah padi ekoran peningkatan kos sara hidup yang tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai bentuk bantuan melalui pemberian pelbagai subsidi dan insentif dalam usaha membantu petani menangani kos sara hidup yang tinggi. Pada tahun 2014, Kerajaan memperuntukkan RM2.201 bilion bagi pemberian bantuan dalam bentuk subsidi dan insentif di bawah industri padi dan beras Negara. Bagi sub-sektor padi, bantuan yang diberikan kepada petani adalah seperti berikut:

**i. Skim Subsidi Harga Padi (SSHP)**

Kadar yang diberikan adalah RM248.10 bagi 1 tan metrik berat bersih padi yang dijadualkan di kilang-kilang yang berdaftar dengan BERNAS.

**ii. Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)**

Di bawah skim ini, pesawah diberi baja sebatian pada kadar 240kg/hektar (12 beg @ 20kg/beg) dan baja urea pada kadar 80kg/hektar (4 beg @ 20kg/beg).

**iii. Subsidi Harga Beras**

Program Subsidi Harga Beras dilaksanakan bagi membolehkan beras Super Tempatan 15% (ST15) atau Beras Nasional dikeluarkan dan dijual pada harga yang dikawal iaitu di antara RM1.65 hingga RM1.80 per kilogram (mengikut zon) bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah mendapatkan bekalan beras pada harga murah bagi keperluan harian.

iv. **Insentif Peningkatan Hasil (IPH)**

Kadar insentif ialah sebanyak RM650 per tan metrik diberikan kepada pesawah berdaftar yang mencapai sekurang-kurangnya 1% peningkatan hasil tan metrik tambahan.

v. **Insentif Benih Padi Sah (IBPS)**

RM1.03 diberikan kepada pengeluar benih padi sah bagi setiap kilogram benih padi sah yang dikeluarkan.

vi. **Insentif Pengeluaran Padi (IPP)**

Bantuan baja tambahan pada kadar RM140 per hektar setiap musim dan bantuan upah bajak pada kadar RM100 per hektar setiap musim. Selain itu, bentuk bantuan lain yang turut diberikan adalah racun yang diberikan dalam bentuk kupon sebanyak RM200 per hektar setiap musim dan pengapuran dengan kadar RM970 per hektar setiap musim.

Justeru itu, pemberian bantuan subsidi kepada petani sedikit sebanyak dapat meningkatkan hasil pendapatan para petani disamping membantu pesawah ekoran peningkatan kos sara hidup pada masa kini.